

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PELABURAN HARTA ZAKAT BAHAGIAN ASNAF AMIL**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah dikemukakan persoalan mengenai harta zakat bahagian asnaf amil. Pihak Jawatankuasa telah diminta untuk membincangkan dan mendapatkan kelulusan agar harta zakat bahagian asnaf amil (diperniagakan) oleh Pusat Zakat Selangor.

2. LATAR BELAKANG

Majma' al-Fiqh al-Islami dalam seminarnya yang ketiga yang diadakan di Kuwait bertarikh 8-9 Jamadil Akhir 1413H bersamaan 2-3 Disember 1992M telah membuat ketetapan berkenaan PELABURAN HARTA ZAKAT sepertimana yang telah ditetapkan pada 2hb Julai 1986 dalam seminar yang ke-3 bahawa harta zakat boleh dilaburkan tetapi mesti menepati syarat-syarat berikut:

- 2.1 Bilamana sudah tidak ada lagi agihan saraan mendadak yang mesti diberikan melalui harta zakat.
- 2.2 Pelaburan tersebut hendaklah dilakukan dengan sempurna iaitu perjalanannya sama seperti lain-lain pelaburan dan ianya mestilah berlandaskan syariat.
- 2.3 Hendaklah diadakan jaminan bahawa harta asal zakat yang dilaburkan adalah tetap harta zakat dan begitu juga keuntungannya.
- 2.4 Apabila ada keperluan mendadak iaitu perlu diagihkan harta zakat atas keperluan yang terdesak maka harta zakat yang dijadikan modal pelaburan tadi hendak mudah dicairkan.

- 2.5 Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu pelaburan yang hendak diusahakan menggunakan harta zakat. Yang mana perlu dipastikan pelaburan/ perniagaan tersebut terjamin selamat serta mudah dicairkan bila perlu.
- 2.6 Hendaklah mendapatkan kebenaran ataupun kelulusan dari pemerintah ataupun mana-mana pihak yang bertanggungjawab atas harta zakat. Ianya kerana untuk memelihara dasar-dasar syariat dan pelaburan tersebut mestilah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri dari mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan serta yang lebih penting ialah amanah.

3. **ASAS PERTIMBANGAN**

Pada umumnya ulama' Fuqaha' berpendapat ada 3 bentuk pelaburan harta zakat. Ianya seperti berikut:

- 3.1 Pelaburan harta zakat yang diusahakan oleh mereka yang berhak menerima zakat (mustahik) setelah mereka menerima lalu memiliki harta zakat dari bahagian mereka. Dalam hal ini ulama' bersepakat bahawa hukum syara' membolehkan kerana harta tersebut telah menjadi hak milik mereka. Ini bermakna, mereka berhak untuk berbuat apa sahaja atas harta tersebut.
- 3.2 Pelaburan harta zakat yang diusahakan oleh tuan harta sebelum harta tersebut dikeluarkan zakatnya. Dalam hal ini ulama' sepakat bahawa hukum syara' tidak membolehkan pelaburan tersebut. Kerana zakat hukumnya mesti ditunaikan segera dan ia juga hendaklah segera diagih-agihkan kepada asnafnya. Kesimpulannya ulama' menegaskan bahawa tuan harta mestilah segera menunaikan zakat hartanya bila sudah cukup syarat-syaratnya dan dilarang membuat apa jua bentuk pelaburan atas bahagian harta zakat tersebut.

3.3 Dan yang ketiga iaitu harta zakat yang dilaburkan oleh pemerintah ataupun amil zakat atau mana-mana badan yang menguruskan zakat. Dalam hal ini, ulama' silam tiada membincangkan ataupun membuat apa-apa ketetapan berkenaan dengannya. Walau bagaimanapun kita bersyukur kerana ulama' masa kini telah pun membincangkan serta membuat ketetapan berkenaannya. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan:

3.3.1 Pertama : ulama' yang menegaskan bahawa harta zakat tidak boleh dilaburkan. Mereka ialah: Dr. Wahbah al-Zuhaily, Dr. Abdullah Ilwan, Dr. Muhammad 'Ato as Sayid dan Sheikh Muhammad Taqiyul Osmani.

3.3.2 Kedua: Ulama' yang menegaskan bahawa harta zakat perlu ataupun boleh dilaburkan. Mereka ialah: Prof. Dr. Mustafa Az Zarqo', Dr. Yusuf al-Qardhawi, Dr. Abdul Aziz al-Khayyat, Dr. Salam al-'Ubadi. Sheikh Abdul Fattah Abu Ghaddah, Dr. Muhammad Solh al-Farfur, Dr. Hasan Abdullah al-Amin dan Dr. Muhammad Faroq al-Nabhani.

Walaubagaimanapun akhirnya mereka telah bersepakat mengatakan bahawa memang pada dasarnya harta zakat tidak boleh dilaburkan. Akan tetapi atas masalah Ummah, maka harta zakat boleh dilaburkan tetapi hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah dijelaskan sebentar tadi.

4. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 23 Ogos 1999 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

“ Bahawasanya Jawatankuasa Fatwa kali ke 3/99 telah sebulat suara mengesyorkan agar Pusat Zakat Selangor (PZS) mengemukakan Kertas Cadangan Pelaburan Asnaf Amil di masa akan datang sekiranya ada lebih peruntukan daripada harta zakat tahunan yang diberi kepada pihak PZS”.